



Jadual Hayat Ringkas, Malaysia, 2022-2024



STATISTIK JANGKAAN HAYAT, MALAYSIA, 2024^e

2014

74.5
tahun

0.7
tahun


Jangkaan hayat ketika lahir
meningkat 0.7 tahun
berbanding sedekad lalu

2024^e

75.2
tahun

01

JANGKAAN HAYAT KETIKA LAHIR, 2014-2024



Perempuan yang dilahirkan pada tahun 2024 dijangka hidup lebih lama melebihi 4.8 tahun daripada lelaki

02

JANGKAAN HAYAT KETIKA LAHIR MENGIKUT KEWARGANEGARAAN

WARGANEGARA

Lelaki dan Perempuan

74.7 tahun

2014: 74.2 tahun



Lelaki

72.2 tahun

2014: 71.9 tahun



Perempuan

77.5 tahun

2014: 76.9 tahun

BUKAN WARGANEGARA

Lelaki dan Perempuan

82.1 tahun

2014: 77.5 tahun



Lelaki

81.8 tahun

2014: 77.1 tahun



Perempuan

82.4 tahun

2014: 78.0 tahun

03

JANGKAAN HAYAT KETIKA LAHIR MENGIKUT KUMPULAN ETNIK




Etnik Cina mencatatkan jangkaan hayat ketika lahir tertinggi pada 2024 berbanding etnik lain iaitu 74.5 tahun (lelaki) dan 80.2 tahun (perempuan)

Nota: P Permulaaan, A Anggaran

04

JANGKAAN HAYAT PADA UMUR TERTEUTU

PADA UMUR 15 TAHUN



Lelaki yang berumur 15 tahun pada 2024 dijangka hidup selama 58.8 tahun lagi dan perempuan selama 63.4 tahun lagi

PADA UMUR 60 TAHUN



Lelaki yang berumur 60 tahun pada 2024 dijangka hidup selama 18.6 tahun lagi dan perempuan selama 21.4 tahun lagi


PADA UMUR 65 TAHUN



Lelaki yang berumur 65 tahun pada 2024 dijangka hidup selama 15.1 tahun lagi dan perempuan selama 17.4 tahun lagi

Sumber: Jadual Hayat Ringkas, Malaysia, 2022-2024, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Jangkaan Hayat Ketika Lahir, Malaysia, 2014-2024



Jangkaan Hayat Penduduk Malaysia Terus Meningkat pada Tahun 2024: Bayi yang Dilahirkan pada Tahun Ini Dijangka Hidup 75.2 Tahun dengan Bayi Perempuan Hidup 4.8 Tahun Lebih Lama Berbanding Bayi Lelaki

- Seorang bayi yang lahir pada 2024 secara purata dijangka hidup sehingga 75.2 tahun.
- Seorang bayi lelaki yang lahir pada tahun 2022, 2023 dan 2024 secara purata masing-masing dijangka hidup sehingga 71.5 tahun, 71.8 tahun dan 73.0 tahun.
- Seorang bayi perempuan yang lahir pada tahun 2022, 2023 dan 2024 secara purata masing-masing dijangka hidup sehingga 76.4 tahun, 76.6 tahun dan 77.8 tahun.
- Seorang lelaki yang mencapai umur 15 tahun pada 2024 dijangka hidup selama 58.8 tahun lagi.
- Seorang perempuan yang mencapai umur 15 tahun pada 2024 dijangka hidup selama 63.4 tahun lagi.
- Lelaki dan perempuan yang berumur 60 tahun pada 2024 masing-masing dijangka hidup selama 18.6 tahun dan 21.4 tahun lagi. Ini bermakna, lelaki yang berumur 60 tahun pada 2023 dijangka hidup sehingga 78.6 tahun dan perempuan, 81.4 tahun.
- Lelaki dan perempuan yang berumur 65 tahun pada 2024 masing-masing dijangka hidup selama 15.1 tahun dan 17.4 tahun lagi. Ini bermakna, lelaki yang berumur 65 tahun pada 2023 dijangka hidup sehingga 80.1 tahun dan perempuan, 82.4 tahun.
- Etnik Cina kekal mencatatkan jangkaan hayat ketika lahir tertinggi bagi tahun 2022 hingga 2024.
- Selangor mencatatkan jangkaan hayat ketika lahir tertinggi bagi tahun 2022 hingga 2024 manakala Terengganu mencatatkan jangkaan hayat ketika lahir terendah bagi tempoh yang sama.
- Petaling, Selangor mencatatkan jangkaan hayat ketika lahir tertinggi (80.2 tahun) bagi tahun 2024, manakala Samarahan, Sarawak mencatatkan jangkaan hayat ketika lahir tertinggi pada tahun 2022 (79.5 tahun) dan 2023 (79.6 tahun) di peringkat daerah. Sementara itu, Kuala Penyu, Sabah mencatatkan jangkaan hayat ketika lahir terendah pada tahun 2022 (63.7 tahun), 2023 (63.3 tahun) dan 2024 (63.4 tahun).

Dikeluarkan oleh: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



@StatsMalaysia

